

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Berita Harian
Date :	4 / 2 / 2016

Fasa pertama MRT 2 dibina pertengahan tahun

» Laluan 52.2 km hubungkan Sungai Buloh-Putrajaya dijangka siap 2021

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) bersedia untuk memulakan kerja pembinaan projek Mass Rapid Transit (MRT) Laluan 2 (MRT 2) Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) pada suku kedua tahun ini.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hubungan Awam MRT Corp, Datuk Najmuddin Abdullah, berkata fasa pertama MRT 2 sepanjang 52.2 kilometer yang menghubungkan bahagian utara ke selatan Lembah Klang itu dijangka mula beroperasi pada suku kedua 2021, manakala keseluruhan laluan SSP akan beroperasi pada suku kedua 2022.

"Justeru, projek ini akan mengambil masa kira-kira lima tahun untuk disiapkan sepenuhnya," katanya pada taklimat media projek MRT 2 SSP di Kuala Lumpur, semalam.

Memperincikan perancangan pembangunan MRT 2, Najmuddin berkata, MRT Corp

dan MMC-Gamuda sebagai rakan pelaksana projek akan berhubung dengan semua pihak yang terbabit secara langsung dengan proses pembinaannya.

"Kami sudah mula bertemu dengan pihak yang berkenaan termasuk pemilik rumah, bangunan komersial dan rumah ibadat, manakala pihak berkepentingan membabitkan kerajaan, Pejabat Tanah dan Galian dan pihak berkuasa tempatan.

"MRT Corp bersama semua pihak yang terbabit sedang bekerjasama rapat bagi menangani sebarang permasalahan dan isu yang berkaitan dengan projek ini," katanya.

Beliau berkata, antara perancangan MRT Corp adalah mengadakan pertemuan secara berkala bersama media supaya perkembangan mengenai projek pembangunan MRT 2 dapat dilaporkan dari masa ke masa.

MRT Corp juga, katanya akan berhubung dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen di kawasan yang terbabit bagi membolehkan mereka mendapat maklumat mengenai perkembangan semasa projek berkenaan.

"Kami mahu menjadi terbuka dan boleh dihubungi sebaik mungkin, dengan mengadakan sesi dialog bersama rakyat dan akan terus melakukannya," katanya.

Mengenai pengambilan tanah, Najmuddin berkata, meskipun MRT Corp dan MMC-Gamuda sebagai rakan pelaksana projek tidak terbabit secara langsung dengan proses berke-

naan, pihaknya akan bekerjasama rapat dengan Pejabat Tanah dan Galian.

Kerjasama itu, katanya penting bagi menjamin pampasan yang diberikan adalah adil serta mengikuti nilai pasaran.

"Ada beberapa persetujuan yang perlu dicapai khususnya dari segi proses dan prosedur pengambilan tanah, dengan pihak terbabit akan diberikan taklimat oleh kakitangan Pejabat Tanah dan Galian memandangkan setiap tanah atau rumah adalah berbeza antara satu sama lain.

Dapat nasihat

"Justeru, adalah lebih baik bagi orang ramai yang terbabit secara langsung dengan projek ini mendapatkan nasihat daripada Pejabat Tanah dan Galian bagi menyelesaikan isu masing-masing.

Secara umumnya, pihak yang terjejas dengan projek ini akan mendapat pampasan seadilnya daripada proses pembelian tanah," katanya.

Dalam pada itu, Najmuddin berkata, kos pembinaan sebenar MRT 2 masih belum diketahui buat masa sekarang memandangkan tender bagi keseluruhan pakej belum dimuktamadkan.

"Tidak adil untuk kami berkongsi anggaran kosnya sekarang kerana ia boleh mengelirukan kelak. Secara realistik, berikan masa kepada kami untuk memuktamadkan kos keseluruhan sebelum boleh mengumumkannya," katanya.



"Kami sudah mula bertemu dengan pihak yang berkenaan termasuk pemilik rumah, bangunan komersial dan rumah ibadat, manakala pihak berkepentingan membabitkan kerajaan, Pejabat Tanah dan Galian dan pihak berkuasa tempatan"

Najmuddin Abdullah,
Pegawai Komunikasi Strategik dan Hubungan Awam MRT Corp